

Bangun teknologi AI berteraskan Islam penuhi prinsip maqasid syariah



Oleh Mohd Ammyr Ashraf Sairan
bhagama@bh.com.my

Kecerdasan buatan (AI) semakin menjadi perhatian umum dek kepayaannya membantu urusan kerja manusia menerusi platform digital. Perkembangan sains dan teknologi dalam bidang AI, bukan hanya perlu dilihat dalam konteks sumbangannya dalam perkembangan teknologi, bahkan menjurus kepada etika dalam pandangan Islam.

AI merujuk kepada kemampuan sistem perkomputeran dalam melaksanakan tugas yang pada kebiasaannya memerlukan kecerdasan manusia. Teknologi AI pertama kali diperkenalkan pada 1956 dalam sebuah program AI, 'Dartmouth Summer Research Project Artificial Intelligence' (DSRPAI).

Sistem ini dibangunkan John McCarthy bagi melihat kemampuan mesin mempelajari tingkah laku manusia serta memberi tindak balas atau reaksi seperti manusia. Pada hakikatnya teknologi AI tanpa disedari sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Maka, Islam tidak menolak perkembangan ini memandangkan secara jelas bermanfaat kepada manusia, tetapi harus ada had, batasan dan panduan.

Kewujudan AI pada hakikatnya sejajar dengan tuntutan Islam yang menggalakkan umat Islam menuntut ilmu sebagaimana firman Allah bermaksud: "Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia menciptakan manusia daripada gumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia. Yang mengajar (manusia) dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya". (Surah al-Alaq, ayat 1-5)

Ia juga ayat pertama diwahyukan Allah kepada Nabi Muhammad SAW mengenai kepentingan berilmu dan menuntut ilmu dengan menyuruh manusia membaca.

Perintah Allah untuk manusia menuntut ilmu dan akan diberikan ilmu turut dinyatakan dalam al-Quran bermaksud: "Dan Kami ajar (pula) kepada Daud cara membuat baju besi untuk kamu, bagi melindungi kamu dalam peperangan. Apakah kamu bersyukur (kepada Allah)?". (Surah al-Anbiya, ayat 80)

Ia adalah petunjuk betapa pentingnya menuntut ilmu termasuk yang berpaksikan kepada teknologi dan membawa kepada kemaslahatan manusia.

Selain itu, pendekatan maqasid syariah yang meletakkan ilmu sebagai dharuriyyat (kriteria penting) bagi individu dan masyarakat, adalah jaminan Allah dalam mengangkat darjat generasi berilmu.

Oleh demikian, perkembangan AI menjadikan suatu fenomena teknologi globalisasi harus dibiasakan kehadirannya dalam kehidupan seharian.

Teknologi AI menjadikan bidang komunikasi, pendidikan serta kerjaya menjadi lebih terurus, hal ini dapat diklasifikasikan sebagai 'hajiyat' atau keperluan dalam memudahkan urusan manusia.

Justeru, dengan adanya platform 'AI Untuk Rakyat' yang dilaksanakan kerajaan akan menjadi pemangkin kepada rakyat bagi mempelajari ilmu AI semakin berkembang.

Teroka ilmu baharu dunia digital

Kini AI berkembang kepada bidang seperti agama, kesihatan, automotif dan perniagaan. Dalam bidang agama sebagai contoh, AI berkemampuan mengumpul dan mendapatkan maklumat berhubung hukum-hukum agama, fatwa, keputusan penghakiman mahkamah syariah atau apa sahaja urusan bersangkutannya dari seluruh dunia.

Kini masyarakat dapat memperoleh secara percuma di hujung jari sahaja. Sehubungan itu penting bagi intelektual Islam membina teknologi AI berdasarkan kepada tradisi keilmuan Islam, dengan memasukkan ilmu Islam ke dalam storan AI. Hal ini seperti disarankan Perdana Menteri, Daruk Seri Anwar Ibrahim mahukan negara Islam terutama Malaysia meneroka penemuan baharu dalam dunia digital seperti AI.

Perkembangan AI menjadikan suatu fenomena teknologi globalisasi harus dibiasakan kehadirannya dalam kehidupan seharian

Sungguhpun teknologi AI dikembangkan dalam dunia Islam, namun seluruh falsafah ilmu yang wujud tidak banyak datangnya daripada keilmuan tradisi Islam.

Walaupun robot AI mampu mengemukakan jawapan lengkap serta relevan, namun kebiasaannya ia berkisar kepada keilmuan dan tamadun Barat semata.

Dalam hal ini, Islam tidak pernah menghalang manusia membangunkan ilmu dalam bidang sains dan teknologi. Malahan, menjadi tuntutan fardu kifayah menuntut ilmu berkenaan kerana dapat meningkatkan kualiti kehidupan manusia ke arah lebih baik.

Bagaimanapun, garis panduan dan etika penyediaan teknologi AI berlandaskan kepada Islam amatlah diperlukan bagi membimbing dan menjaga komuniti Islam.

Hal ini sangat bertepatan dengan prinsip asas maqasid asariah bertujuan memelihara dan melindungi hak manusia iaitu 'hifz al-adin' (penjagaan agama), 'hifz al-nafs' (penjagaan nyawa), 'hifz al-aql' (penjagaan akal), 'hifz-nasl' (penjagaan keturunan) dan 'hifz al-mal' (penjagaan harta).

Gabungan pendekatan ini dapat membantu menangani pelbagai isu kontemporari yang bakal timbul hasil penggunaan AI. Justeru, pembinaan garis panduan AI bersesuaian dengan budaya dan norma setempat selari dengan syarak diperlukan.

Di sini, peranan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mahupun agensi Islam lain amat diperlukan sebagai panduan kepada mufiti dan intelektual Islam mendapatkan gambaran menyeluruh kerangka etika Islam dalam melindungi hak dan kepentingan seluruh masyarakat serta umat Islam secara global.

Allah SWT berfirman bermaksud: "Jika kamu berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesan buruk) berbalik kepada diri kamu juga". (Surah al-Isra, ayat 7)

Ia juga selari dengan hadis Rasulullah bermaksud: "Sebaik-baik manusia adalah paling bermanfaat pada orang lain". (HR Tabrani)

Maka, ilmuwan dan teknokrat Islam perlu meneroka teknologi AI baharu yang dapat memperkayakan lagi falsafah dan keagungan agama Islam demi kebaikan sejagat.

